

21 JUN 2003

Umno-Gulung (Hamid)

UMNO MESTI TANGKIS HABIS-HABISAN DAKYAH PAS

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Tugas besar pemimpin dan anggota Umno sekarang ialah melawan habis-habisan tuduhan PAS bahawa Umno dan kerajaan tidak melaksanakan ajaran Islam, kata Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata sememangnya dasar negara ialah melaksanakan ajaran Islam ke arah membangunkan sebuah tamadun dengan menitikberatkan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat termasuk membasmi kemiskinan.

"Mengapakah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia ialah sebuah negara Islam? Adakah (semata-mata) kerana maahad tahfiz banyak, orang pakai serban banyak, orang pakai telekung banyak atau orang penuh di masjid?

Jawapannya ialah kerana Malaysia melaksanakan perkara asasi yang dituntut oleh Islam seperti membasmi kemiskinan dan membangunkan ummah dalam segenap bidang, katanya ketika menggulung perbahasan mengenai isu-isu agama di hari ketiga dan terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Dr Abdul Hamid berkata PAS mengambil kesempatan daripada keketatan ilmu di kalangan sesetengah anggota masyarakat untuk memecahbelahkan umat Islam.

Dalam pada itu, beliau mengumumkan bahawa ucapan, hasil pemikiran dan idea Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, sudah dibukukan dalam sebuah ensiklopedia 10 juzuk oleh 35 sarjana antarabangsa.

Dr Abdul Hamid berkata ia akan dilancarkan di peringkat antarabangsa di Universiti Oxford, England manakala di Malaysia, ia akan dibuat di Universiti Islam Antarabangsa.

Beliau tidak menyatakan tarikh pelancaran ensiklopedia tersebut.

Menurutnya lagi, ia turut mengandungi koleksi pendapat dan pandangan penulis dan pemikir agung dunia seperti Jean Jacques Rousseau, Montessori, Ibnu Khaldun, Charles Dickens dan Shakespeare.

-- BERNAMA

MAM ZS ROS